

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HKN 404 Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara II:  
Aspek-Aspek Pensejarahan.

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. Filologi sebagai satu metode pengkajian karya sastera amat penting bagi menyusun sebuah sejarah kesusasteraan Melayu tradisional. Huraikan selok-belok filologi di dalam menangani naskhah-naskhah Melayu. Jelaskan beberapa masalah utama di dalam kerja-kerja filologi Melayu.
2. Di dalam menghadapi kelambatan kerja filologi Melayu lahir saranan supaya diusahakan penulisan yang berdasarkan kepada satu-satu genre sastera tertentu. Sejauh manakah anda fikir pendekatan alternatif ini bermanfaat? Buat satu analisis ringkas mengenai salah sebuah tulisan ilmiah yang membawa pendekatan ini.

**BAHAGIAN B**

3. Penggunaan judul "hikayat" bagi karya-karya Melayu tradisional menimbulkan banyak kekeliruan. Bincangkan pemikiran sarjana-sarjana mengenai permasalahan ini. Berikan saranan anda bagi memperjelaskan kedudukan perkara ini di dalam konteks sejarah kesusasteraan Melayu tradisional.

4. Bandingkan periodisasi sastera Melayu tradisional yang dikemukakan oleh R.O. Winstedt seperti yang terkandung di dalam bukunya History of Classical Malay Literature dengan apa yang dapat disimpulkan daripada buku Kesusasteraan Melayu Tradisional suntingan bersama Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad, dari segi kekuatan dan kelemahannya.
5. Kelahiran seseorang tokoh di dalam kesusasteraan Melayu tradisional merupakan satu fenomena yang unik. Dengan merujuk kepada kelahiran salah seorang tokoh tertentu bahaskan pernyataan di atas.

#### BAHAGIAN C

6. Tulisan A. Teeuw berjudul Indonesia Antara Kelisanan dan Keberaksaraan tambah mengukuhkan saranan bahawa Hamzah Fansuri ialah pelopor Kesusasteraan Melayu Moden. Bincangkan.
7. Huraikan fenomena angkatan di dalam dunia kesusasteraan. Bandingkan sifat fenomena ini seperti yang berlaku di Malaysia dan di Indonesia. Sejauh manakah fenomena di kedua-dua negara itu berperanan di dalam menentukan corak periodisasi kesusasteraan Melayu dan kesusasteraan Indonesia?
8. Bincangkan perhubungan faktor-faktor sosio-politik, pendidikan dan ekonomi dengan perkembangan kesusasteraan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

-oooooooo-